

Headline	TNB lancar iklan Tahun Baru Cina 2020		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Jan 2020	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	1,15
ArticleSize	429 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,285		



## TNB lancar iklan Tahun Baru Cina 2020

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) melancarkan iklan televisyen sempena Tahun Baru Cina dengan menentanghkan kepentingan berada bersama keluarga ketika musim perayaan meskipun mereka boleh sentiasa berhubung menggunakan kemudahan komunikasi.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, filem pendek yang bertajuk *Reality Not Virtual* itu menyampaikan mesej keseronokan menyambut perayaan setiap tahun bersama keluarga melalui pendekatan realiti maya.

Menurutnya, walaupun berdepan cabaran dalam menyediakan iklan yang dapat menarik perhatian ramai itu, namun TNB sentiasa ingin konsisten dari segi penghasilan iklan-iklan dikeluarkan dengan menentanghkan cerita yang ringan dan menceriaikan berbanding iklan-iklan berat atau lebih kepada suasana sedih.

"Berbeza dengan tahun lalu, kali ini kita memberi penekanan terhadap kemeriahan merayakannya bersama keluarga di kampung berbanding meraikannya bersama kawan-kawan sama ada di ban-



Roslan (lima dari kiri) hadir pada majlis pratonton iklan sambutan Tahun Baru Cina TNB 2020 bertajuk *Reality Not Virtual* di Kuala Lumpur kelmarin.

dar mahupun di luar negara dengan menentanghkan platform komunikasi menerusi realiti maya," katanya ketika ditemui selepas majlis pratonton iklan sambutan Tahun Baru Cina TNB 2020 bertajuk *Reality Not Virtual* di sini kelmarin.

Filem arahan Quek Shio Chuan itu menampilkan Bryan lakonan Tong Yaw Wei yang baru bekerja di bandar dan gemar menghabiskan masa lapang di ibu kota berbanding pulang ke kampung

untuk menyambut Tahun Baru Cina.

Tidak mahu anaknya ketinggalan merasai kemeriahan sambutan di kampung halaman, ibu Bryan menghantar satu peranti realiti maya (VR) yang bertemakan Tahun Baru Cina.

Sejurus memakai peranti itu, Bryan dibawa ke alam maya yang menyaksikan suasana perayaan di rumahnya sekali gus membuatnya berasa rindu untuk pulang ke kampung.

Iklan tersebut telah ditayangkan secara rasmi di saluran YouTube rasmi TNB ([youtube.com/TENAGAofficial](https://www.youtube.com/TENAGAofficial)) bermula hari ini dan bakal ditayangkan

di kaca televisyen bermula 23 Januari depan.

Filem itu turut diiringi dengan iklan di media cetak secara interaktif yang memerlukan pembaca untuk melipat bahagian-bahagian tertentu bagi melihat mesej tersembunyi.

Pada masa sama, TNB turut mengadakan peraduan Cekap Tenaga dengan menampilkan barisan pelakon utama dalam bentuk video 360 darjah dan berpeluang memenangi hadiah termasuk telefon pintar terbaharu dengan hanya log masuk ke [Facebook.com/TNBCarelina](https://www.facebook.com/TNBCarelina).